

Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Insiden demi insiden membabitkan pengasuh sama ada di rumah mahupun di pusat asuhan terus menarik perhatian khalayak. Anak-anak yang dihantar oleh ibu bapa untuk dijaga menerima pelbagai nasib malang sama ada didera secara fizikal, mental atau dikasari dengan pelbagai cara. Apa yang lebih tragis ada yang meninggal dunia akibat tindakan pengasuh yang tidak berperikemanusiaan.

Sudah terlalu banyak kes penderaan kanak-kanak membabitkan pengasuh didedahkan, namun ia didapati terus berlaku hingga membuatkan ibu bapa trauma dan fobia menghantar anak ke taska mahupun ke rumah pengasuh.

Keadaan kedua ibu bapa yang bekerja menyebabkan mereka tidak mempunyai banyak pilihan selain terpaksa hantar anak kepada pengasuh. Sebagai ibu bapa kita berharap pengasuh akan menjaga anak kita sama seperti anak mereka sendiri dengan penuh kasih sayang dan cermat, malangnya apa yang berlaku cukup menyedihkan. Walaupun tidak semua taska dan pengasuh bersikap kejam, apa yang berlaku selama ini sudah cukup untuk mencemaskan semua pihak.

Baru-baru ini beberapa kes membabitkan pengasuh terus didedahkan, antaranya kejadian tiga wanita berusia 20-an ditahan polis susulan video kanak-kanak dikasari pengasuh menjadi tular di media sosial. Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang tular di media sosial membongkar tingkah laku mereka yang mengasari beberapa kanak-kanak seperti seorang wanita mendukung seorang kanak-kanak lelaki dan menghempaskannya ke atas tilam. Dalam satu lagi kejadian yang lebih tragis pula seorang kanak-kanak berusia lapan bulan meninggal dunia selepas hampir 24 jam bertarung nyawa akibat tidak sedarkan diri ketika berada dalam jagaan pengasuh. Pihak polis dilaporkan sudah menahan seorang wanita yang juga pengasuh bayi lelaki berkenaan bagi membantu

siasatan polis sama ada membabitkan unsur kecuaiian, penderaan atau sebaliknya.


Kejadian malang seperti ini meletakkan ibu bapa dalam dilema apabila mula risaukan keselamatan anak masing-masing yang ditinggalkan dengan pengasuh. Hal ini kerana masing-masing sudah mula curiga kejadian seperti itu boleh menimpa anak mereka. Jadi perkara ini perlu ditangani dengan baik dan cepat supaya tidak ada lagi kanak-kanak yang menjadi mangsa keadaan.

Antara langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa ialah siasat dan semak terlebih dulu latar belakang taska mahupun pengasuh yang terbabit. Kebanyakan daripada kita menghantar anak sama ada ke taska atau rumah orang yang mengambil upah menjaga anak. Jika taska, pertama sekali kita perlu semak dan pastikan mereka berdaftar dengan agensi kerajaan terbabit supaya mereka akan sentiasa diperiksa serta mematuhi peraturan pengendalian taska yang ditetapkan. Kita juga wajar memberi perhatian terhadap nisbah pengasuh kepada kanak-kanak yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Hal ini penting kerana bilangan kanak-kanak yang terlalu ramai dengan pengasuh tidak menepati nisbah yang betul boleh mengundang pelbagai risiko dan kecuaiian dalam aspek penjagaan. Ia juga boleh mendorong pengasuh yang terlalu stres dan penat bertindak di luar batasan seperti cepat marah dan naik angin serta melepaskan geram kepada anak-anak.

Begitu juga halnya jika kita menghantar anak ke rumah orang. Kita juga seeloknya menyiasat latar belakang pengasuh dan keluarga terbabit. Hal ini penting kerana pernah berlaku beberapa kejadian penderaan sebelum ini membabitkan ahli keluarga pengasuh seperti suami mahupun anak pengasuh terbabit yang mendera kanak-kanak yang dijaga. Sekali lagi elak menghantar anak kepada pengasuh yang menjaga terlalu ramai kanak-kanak kerana kita khawatir pengasuh tidak dapat memberi perhatian sewajarnya. Tambahan pula persekitaran dan kemudahan yang ada di rumah sudah pastinya tidak sama mahupun selesai seperti di sebuah taska yang berdaftar.



## Jagalalah amanah bukan aniaya anak orang



Satu lagi senario yang perlu diberi perhatian ialah situasi pemilik taska menyerahkan sepenuhnya urusan penjagaan kanak-kanak kepada pengasuh terdiri kalangan warga asing. Sikap lepas tangan pemilik taska seperti ini tidak wajar berlaku kerana kita khawatir ketiadaan pemantauan daripada pemilik menyebabkan pekerja taska ini bertindak sesuka hati dan ada kalanya di luar norma dan sifat kemanusiaan.

Jadi kita berharap pemilik taska dan pengasuh akan lebih bertanggungjawab dan jangan sesekali menganiaya anak orang. Curahkanlah sepenuh kasih sayang dan pastikan keselamatan mereka sentiasa diutamakan. Perlu diingat taska tidak menyediakan perkhidmatan secara percuma. Ibu bapa membayar yuran yang tinggi kepada taska dan pengasuh jadi tidak salah untuk ibu bapa menuntut sikap tanggungjawab lebih tinggi daripada pengasuh. Sedarlah betapa ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi kepada pengasuh, jadi janganlah menghancurkan harapan mereka tersebut.

Maka kita menuntut pemilik taska dan pengasuh tampil perbetulkan situasi

ini. Ambil tanggungjawab dan utamakan keselamatan dan kebajikan anak-anak yang diletakkan di bawah jagaan dan amanah kita.

Sediakan pengasuh yang mencukupi supaya dapat mematuhi nisbah diperlukan. Siasat juga latar belakang pengasuh yang digaji terutama warga asing supaya dapat mengelak perkara yang tidak diinginkan. Adalah menjadi tanggungjawab taska dan pengasuh untuk mengembalikan keyakinan masyarakat dengan memastikan insiden seperti ini tidak lagi berulang. Kalau sesuatu insiden itu membabitkan kemalangan di luar kawalan kita mungkin boleh diterima lagi, tetapi jika ia membabitkan unsur kecuaiian mahupun jenayah seperti penderaan pastinya tidak dapat dimaafkan sama sekali.

Bagi memastikan kejadian seperti ini tidak lagi berulang kita juga berharap agar pihak kementerian terus menyerbu dan memeriksa taska serta pengasuh yang menyediakan perkhidmatan menjaga kanak-kanak di rumah bagi memastikan mereka mematuhi segala peraturan dan keperluan asas diperlukan. Lakukan pemeriksaan secara mengejut dan berkala supaya

pengasuh akan lebih berhati-hati serta sentiasa beringat. Malah, ibu bapa dan masyarakat juga boleh memainkan peranan dengan melaporkan kepada pihak berkuasa jika ada taska mahupun pengasuh yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Seelok-eloknya biarlah kita dapat mencegah lebih awal daripada menyesal kemudian hari.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia

## Dialog K

